

09 SEP 1997

M'SIA PERLU MENGELUARKAN SENDIRI BARANGAN MODAL DAN PERANTARA

Oleh: Dalila Abu Bakar

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Malaysia mesti mula mengurangkan defisit akaun semasanya melalui bukan sahaja mengurangkan import barangan pengguna dan perantara, tetapi bekerja ke arah mengeluarkan sendiri barangan itu.

Penganalisis dan pengeluar berkata syarikat asing sepatutnya digalakkan untuk melabur semula sejumlah besar keuntungan mereka di dalam negeri dan bukan sebaliknya menghantar pulang kesemua keuntungan itu, yang turut menyumbang kepada masalah defisit.

Ketua pegawai eksekutif Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Tan Keok Yin berkata pelabur asing seharusnya digalakkan menubuhkan kilang untuk mengeluarkan barangan modal dan perantara yang tidak terdapat di dalam negeri.

Katanya barangan perantara yang ada di negara ini termasuk bahan binaan seperti jubin seramik, kelengkapan pendingin hawa, produk automotif, bahan pembungkusan, tekstil dan produk getah, tidak seharusnya diimport.

Daripada jumlah import bernilai RM119.1 bilion dalam tempoh Jan-Julai 1997, barangan perantara berjumlah RM77.1 bilion atau 64.7 peratus, barangan modal RM25 bilion atau 21 peratus dan barangan penggunaan RM7.5 bilion atau 6.3 peratus.

"Bagi barangan pengguna, kebanyakannya boleh terdapat dalam pasaran tempatan," Tan memberitahu Bernama hari ini di sini bila mengulas seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dikurangkan import yang tidak perlu dalam usaha untuk mengurangkan defisit akaun semasa.

Dalam 1996, Malaysia menanggung defisit akaun semasa sebanyak RM12.252 bilion, manakala bagi suku pertama tahun ini, defisit yang dicatatkan sebanyak RM1.8 bilion adalah jauh lebih baik berbanding dengan defisit RM4.5 bilion dan RM3.2 bilion masing-masing dalam suku keempat dan suku pertama tahun lepas.

"FMM mempunyai lebih 2,000 ahli, kebanyakannya mengeluarkan barangan pengguna dan barangan perantara, tetapi kami kekurangan pengeluar produk khusus untuk pasaran berkuasa tinggi," katanya.

Namun begitu, seorang penganalisis berkata ekonomi masih dalam peringkat peralihan ke arah mencapai pengindustrian yang bermakna permintaan untuk kejenteraan modal, terutama barangan khusus akan terus tinggi.

Kejenteraan modal masih merupakan sejumlah besar import -- kira-kira satu pertiga daripada jumlah import.

Mengenai pengiriman keuntungan ke luar negeri, seorang penganalisis sekuriti berkata kehadiran syarikat asing di sini melalui ekonomi pelaburan terbuka Malaysia, telah mengakibatkan aliran keluar yang banyak pendapatan dan pembayaran dividen.

Kehadiran beratus ribu pekerja asing di Malaysia tidak membantu keadaan kerana ia mengakibatkan sejumlah besar wang yang dihantar ke luar Malaysia, dengan itu memburukkan lagi defisit imbalan pembayaran, katanya.

Bagaimanapun, Malaysia masih jauh daripada mengurangkan pembayaran tak ketara terutama yang berkaitan insurans dan fret memandangkan kekurangan kepakaran tempatan dan sumber dalam penginsurans semula dan perkapalan.

Penganalisis itu juga berkata bahawa daripada mengimport secara bulat-bulat, industri pembinaan yang mengalami pengimportan paling tinggi, seharusnya melihat secara serius kepada penggunaan kelengkapan baik pulih yang telahpun diberikan insentif oleh kerajaan dalam belanjawan 1997.

Baru-baru ini Dr Mahathir memberitahu para pedagang supaya mengurangkan import barangan yang tidak perlu, terutama sekali jentera pembinaan seperti hos mekanikal dan pengorek untuk mengurangkan defdisit negara.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerajaan akan terpaksa mengenakan sekatan ke atas import, terutama bagi jentera berat untuk industri pembinaan, jika pedagang tidak mengurangkannya secara sukarela.

Tan berkata Malaysia mesti terus menggalakkan eksport melalui pengembangan pasaran semasa dan mewujudkan pasaran baru. -- BERNAMA

DAB SIA